

“Kita tidak boleh menyokong tindakan semacam ini”

Bom di Sabah Mahathir kesal

JUM 10 JUN 1985

A LUR SETAR 9 Jun - Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa kesal terhadap kejadian - kejadian letupan bom di Sabah yang disifatkannya sebagai perbuatan yang harus dikutuk.

“Kita tidak boleh menyokong tindakan semacam ini,” tegasnya ketika ditemui di kediaman beliau di Titi Gajah.

Mengulas buat pertama kali kejadian - kejadian letupan bom di Sabah, Perdana Menteri berkata: “Kerajaan kesal terhadap kejadian itu kerana ia membahayakan keselamatan orang - orang awam.”

Menurutnya, pihak polis telah diarah supaya mengambal tindakan - tindakan yang perlu dalam mengendalikan masalah yang dihadapi di Sabah.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, beliau belum

Oleh
Mat Piah Teh Deris

menerima laporan mengenai letupan bom di Sabah yang dikatakan bermotif politik.

“Setakat yang saya tahu, kerajaan dan pasukan keselamatan sedang menyiasatnya,” ujar beliau.

Diminta mengulas kenyataan Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan bahawa letupan bom itu bermotif politik, Perdana Menteri berkata, beliau tidak menerima maklumat itu.

Walau apa pun motifnya, kerajaan tetap menganggapnya sebagai suatu perbuatan yang harus dikutuk, katanya.

Setakat ini kerajaan belum dapat menentukan motif letupan itu, katanya sambil menambah, “kita perlu bukti yang nyata untuk mengatakannya bermotif politik atau motif lain.”

LIHAT MUKA 6

Bom di Sabah: Mahathir kesal

JUM 10 JUN 1985

Datuk Pairin berkata di Kota Kinabalu semalam, polis mengesahkan kejadian letupan bom itu adalah bermotif politik.

Dalam hubungan ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak boleh bertindak tanpa bukti - bukti yang sah.

Mengenai kemasukan Parti Bersatu Sabah (PBS) ke dalam Barisan Nasional, Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN mengulangi bahawa parti itu mesti membuktikan dulu ia bukan parti perkauman.

Beliau enggan mengulas bila Barisan Nasional akan bersidang untuk membincangkan permohonan PBS.

Sementara itu semasa berucap di majlis terbuka di Kampung Padang Gelam Pasir malam tadi, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengajak parti politik dan seluruh umat Islam di negara ini supaya memikirkan bersama tentang pendirian dan sikap terhadap perpaduan dengan mengelakkan pertelingkaran bagi memenuhi kehendak Islam.

Katanya, sebagai orang Islam kita mempunyai tanggungjawab terhadap masyarakat dan tanpa pertelingkaran kita dapat memenuhi kehendak Islam.

Katanya, sebagai orang Islam kita mempunyai tanggungjawab terhadap masyarakat dan tanpa pertelingkaran kita dapat memenuhi kehendak Islam.

“Oleh itu, marilah kita berfikir bersama tentang pendirian kita, sikap kita terhadap perpaduan,” ujar beliau.

Beliau percaya bahawa terdapat perselisihan faham politik baik di negara ini atau di tempat - tempat lain.

Datuk Sri Dr. Mahathir selaku Presiden UMNO tanpa menyebut nama parti berkenaan berkata: “Kita ingin hidup rukun damai dengan mereka, tidak ada niat sama sekali untuk bermusuhan dengan mereka.”

Menteri Besar, Datuk Paduka Haji Osman Aroff, isteri Perdana Menteri Datuk

Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah dan Timbalan Menteri Pengangkutan, Hajah Rahman Osman antara kira-kira 1,000 orang turut hadir di majlis tersebut.

Di Kota Kinabalu - Berjaya meminta kerajaan PBS mengeluarkan bukti bagi menyokong tuduhan mereka bahawa letupan - letupan bom yang berlaku di sekitar ibu negeri Sabah baru-baru ini bermotif politik.

Kenyataan Parti Berjaya hari ini menyatakan, itu adalah lebih baik dari mengesakan orang ramai memberi

kan pandangan mereka terhadap keadaan yang sedang berlaku di negeri ini sekarang.

Kenyataan itu berkata, kerajaan PBS telah mendakwa bahawa tiga letupan yang telah berlaku itu bermotif politik walaupun pihak polis berkali-kali mengumumkan bahawa tidak ada bukti yang menunjukkan letupan - letupan itu bermotif politik.

“Dakwaan PBS yang meletakkan kesalahan atas letupan - letupan itu kepada pembangkang adalah tidak seharusnya dibuat tanpa bukti,” katanya.